

TARIKH : 20 OGOS 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4

## ‘Jangan ada pihak cuba rosakkan agensi urus agenda Bumiputera’

Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035

# ‘Jangan ada pihak cuba rosakkan agensi urus agenda Bumiputera’

Institusi, pegawai diberi amanah diingnt laksana tugas sebaik mungkin

Oleh Mohd Zaky Zainuddin dan Mahani Ishak  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingati institusi dan pegawai yang menguruskan agenda Bumiputera supaya melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh bagi memastikan matlamat yang dihasratkan tercapai.

Beliau memberi amaran agar jangan ada perbuatan yang ‘merosak dan menyalahgunakan’ agensi tertentu demi kepentingan mereka sendiri serta mengumpul dan memburu kekayaan.

“Mereka yang melaksanakan agenda Bumiputera mesti melihat secara terperinci setiap inisiatif dan melaksanakannya dengan penuh rasa tanggungjawab dan cekap,” katanya ketika berucap melancarkan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35), di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamid; Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli; Menteri Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir serta menteri Kabinet lain.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menegaskan, PuTERA35 yang diperkenalkan kerajaan semalam adalah anjakan besar dalam membawa pembangunan Bumiputera ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi serantau.

Beliau berkata, selaras peredaran masa, negara memerlukan satu pelan baharu yang akan memacu agenda Bumiputera ke tahap yang lebih baik serta lebih jelas.

“Negara harus dipacu dengan tahap kelajuan yang lebih meyakinkan dan dalam masa sama, negara masih bertapak kepada kenyataan bahawa pemacuan ini tidak harus meminggirkan mana mana pihak.

“Kerangka pemikiran bahawa pemacuan ekonomi itu harus bersama dengan penyertaan seluruh rakyat tanpa meminggirkan mana-mana suku kaum atau wilayah,” katanya.

Perdana Menteri juga berkata, menerusi PuTERA35, kerajaan menetapkan sasaran baharu dalam aspek penyertaan, pemilihan dan penguasaan Bumiputera.

Ia merangkumi peningkatan penyertaan Bumiputera kepada 70 peratus menjelang 2035 dari 61 peratus pada 2022.

### Tingkat pemilikan ekuiti

Pemilikan ekuiti individu dan agensi mandat Bumiputera disasar ditingkatkan kepada 30 peratus daripada 18.4 peratus pada 2020.

“Penyertaan dan penguasaan Bumiputera melalui ekuiti syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) juga disasarkan meningkat kepada 20 pe-



Anwar bersama Ahmad Zahid dan Rafizi ketika Majlis Peluncuran Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

ratus daripada 18.7 peratus pada 2020,” katanya.

Selain itu, kerajaan menyasarkan sumbangan perusahaan Bumiputera kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat kepada 15 peratus menjelang 2035 berbanding 8.1 peratus pada 2022.

Pelan itu juga menetapkan sasaran lebih tinggi kepada 97 peratus penyertaan siswazah Bumiputera dalam pasaran tenaga buruh daripada 85 peratus setakat 2022.

Pengukuran dan sasaran baharu Bumiputera di bawah PuTERA35 dibangunkan selaras dengan sasaran di bawah Kerangka Ekonomi MADANI dan Kajian Separuh Pengkal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

### Sasaran baharu Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35)

- Penyertaan Bumiputera kepada 70 peratus menjelang 2035 daripada 61 peratus pada 2022.
- Pemilikan ekuiti individu dan agensi mandat Bumiputera disasar ditingkatkan kepada 30 peratus daripada 18.4 peratus pada 2020.
- Penyertaan dan penguasaan Bumiputera melalui ekuiti GLC dan GLIC disasarkan meningkat kepada 20 peratus daripada 18.7 peratus pada 2020.
- Menyasarkan sumbangan perusahaan Bumiputera kepada KDNK meningkat kepada 15 peratus menjelang 2035 berbanding 8.1 peratus pada 2022.
- Sasaran penyertaan 97 peratus siswazah Bumiputera dalam pasaran tenaga buruh daripada 85 peratus setakat 2022.